

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA SABAH 2001

TEMPAT: THE MAGELLAN SUTERA, KOTA KINABALU, SABAH

TARIKH: 24 MAR 2001

MASA:

Pertama sekali saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana jemputan kepada saya oleh pihak penganjur untuk berucap dan seterusnya merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 ini.

2. Sungguh pun kongres ini sudah agak lama tertangguh, namun isu-isu serta perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam kongres ini masih lagi relevan khususnya yang berkaitan dengan peluang dan masa depan ekonomi kaum Bumiputera di Sabah.

3. Saya percaya kongres ini sangat dinanti-nanti oleh kebanyakan masyarakat Bumiputera, terutama golongan peniaga dan usahawan di negeri Sabah ini. Dilihat pada tajuk dan temanya sahaja "EKONOMI BUMIPUTERA SELEPAS 2000; CABARAN DAN HALATUJU" ianya tentu menimbulkan rasa ingin tahu disamping melahirkan suatu harapan masa depan para usahawan Bumiputera di Sabah. Mudah-mudahan usaha murni yang dipelopori Kerajaan Negeri Sabah ini, bersama-sama dengan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO), Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah (DBPS), Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Sabah (DPMM) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazandusun (KCCI) ini, mampu membuahkan hasil yang baik demi memperbaiki, mempertingkatkan dan menentukan nasib masa depan dan halatuju golongan peniaga dan usahawan Bumiputera di Sabah.

4. Kedudukan ekonomi kaum Bumiputera di negara ini masih lagi terkebelakang berbanding kaum-kaum yang lain. Sebilangan besar masyarakat Bumiputera masih lagi terdiri daripada nelayan, petani, peladang, penternak dan peniaga kecil-kecilan yang tinggal di kampung-kampung atau di kawasan-kawasan luar bandar. Ini tidak menepati sasaran menghapuskan identiti kaum dengan fungsi ekonomi di negara Malaysia. Selagi majoriti Bumiputera masih `kais pagi makan pagi' dan `kais petang makan petang' maka kita tidak boleh anggap kita sudah mencapai kejayaan dalam pembangunan negara kita.

5. Oleh itu walaupun tuduhan dibuat bahawa Kerajaan Malaysia mengamalkan kronisma Kerajaan tetap akan terus berusaha membantu Bumiputera supaya pembangunan ekonomi mereka meletakkan mereka setaraf dengan kaum-kaum lain

di Malaysia. Kerajaan akan mencipta pelbagai pendekatan dan cara untuk tujuan ini. Sebab itu baru-baru ini kita telah memperkenalkan 'Prosper' sebagai pendekatan yang sesuai untuk menentukan Bumiputera terlibat secara berkesan dalam bidang perniagaan runcit. Demikian juga pelbagai dana telah ditubuh untuk membantu Bumiputera daripada segi modal.

6. Pelbagai jenis latihan perniagaan dan perusahaan telah juga diadakan. Untuk meningkatkan lagi kecekapan Bumiputera dalam bidang pengurusan, sesuatu yang amat penting dalam perniagaan, sebuah universiti telah ditubuh khusus untuk disiplin ini. Universiti-universiti lain juga mengadakan pelbagai jenis kursus sehingga ke taraf kedoktoran untuk meningkatkan kecekapan Bumiputera dalam ekonomi, pengurusan dan perniagaan. Pendek kata sudah banyak usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk memulihkan prestasi Bumiputera meningkat dalam bidang perniagaan dan perusahaan sehingga terhapus identifikasi kaum dengan fungsi ekonomi. Banyaklah kejayaan yang dicapai sehingga Bumiputera tidak lagi berasa mereka tidak mendapat apa-apa bahagian untuk mereka daripada kekayaan negara. Puas hatinya mereka dibuktikan apabila kegawatan menyerang negara kita tetapi tidak ada rusuhan kaum yang berlaku, seperti yang berlaku di negara-negara lain.

7. Walaupun demikian Kerajaan akan berusaha lagi. Tetapi usaha Kerajaan sahaja tidak akan membawa kejayaan, selagi Bumiputera sendiri tidak mengubah sikap dan berusaha dengan lebih gigih. Demikian tidak akan ada peningkatan bahagian Bumiputera jika setiap kali saham diagihkan kepada Bumiputera maka mereka terus menjualnya kepada bukan Bumiputera untuk mendapat keuntungan cepat. Wang yang mereka dapat pula dibelanja hangus dan mereka menunggu lagi untuk diagih saham-saham lain. Tabiat menjual lesen, AP dan lain-lain yang diperuntukkan kepada Bumiputera juga tidak akan menolong meningkatkan bahagian Bumiputera dalam perniagaan. Menjual nama kepada bukan Bumiputera adalah satu lagi cara menggagalkan dasar untuk menambah penyertaan Bumiputera dalam perniagaan.

8. Selain daripada itu, kelemahan Bumiputera dalam bidang pengurusan menyebabkan ramai Bumiputera bukan sahaja gagal tetapi hilang modal pelaburan dan wang yang dihutang untuk perniagaan. Jauh daripada menjayakan perniagaan dan menaikkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan, kelemahan pengurusan menghakis peratusan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan dan perusahaan.

9. Kurang modal kerap disebut sebagai sebab Bumiputera tidak dapat memasuki bidang-bidang tertentu. Memanglah benar tanpa modal yang cukup Bumiputera tidak mungkin memasuki bidang perniagaan. Tetapi ada antara

orang daripada kaum lain yang juga tidak bermodal. Namun mereka dapat memasuki bidang perniagaan dan perniagaan mereka tumbuh dan menjadi begitu besar sehingga mereka menjadi 'millionaire' dan 'billionaire'.

10. Lim Goh Tong datang ke Malaysia untuk menjadi kuli. Hari ini dia adalah seorang 'billionaire'. Dan ramai lagi orang lain yang bermula tanpa satu sen pun modal tetapi hari ini sudah menjadi kaya raya. Bagaimana mereka dapat mengumpul modal, berniaga dan mengadakan perusahaan sehingga menjadi begitu berjaya sepatutnya dikaji dan dipelajari oleh semua Bumiputera dan percubaan dibuat untuk meniru dan mengamalkan pendekatan yang dibuat oleh mereka yang berjaya ini.

11. Saya berpendapat mereka bermula dengan makan gaji. Kerana kerajinan mereka, mereka menjadi begitu cekap sehingga gaji mereka naik dengan cepat. Sepanjang masa mereka menabungkan pendapatan mereka walaupun sedikit sahaja pada mulanya. Setelah sekian lama tabungan mereka mencukupi untuk perniagaan kecil atau untuk kontrak kecil.

12. Kerana mereka cekap dan mereka menunaikan segala janji mereka dengan tepat dan mengikut jadual, terutama berkenaan hutang maka mereka lebih dipercayai. Hasil perniagaan atau kontrak mereka bertambah. Pihak bank dan pelanggan mereka sanggup memberi pinjaman yang mereka tetap membayar balik mengikut jadual. Mereka tidak lokek.

13. Dengan ini perniagaan mereka dapat dibesarkan. Mereka melayan sesiapa yang menolong mereka dengan cukup baik. Mereka rela korban kepentingan mereka supaya orang yang menolong mereka tidak kecewa. Ini menyebabkan mereka terus diberi pertolongan.

14. Pengurusan perniagaan dan kewangan mereka dibuat dengan cukup cermat. Mereka tidak berlagak dengan cara hidup yang mereka tidak mampu membiayai. Sebaliknya cara hidup mereka lebih rendah daripada yang mereka mampu. Walau bagaimana kaya dan tinggi kedudukan mereka dalam perniagaan yang mereka usahakan atau miliki mereka tetap bekerja kuat, tetap menyelia sendiri segala urusan perniagaan mereka.

15. Semua peniaga dan pengusaha yang berjaya adalah seperti mereka yang saya gambarkan ini. Duit yang mereka perolehi tidak datang dengan mudah. Justeru itu, mereka amat menghargai pendapatan mereka dan tidak membazirkannya. Mereka bukan kedekut tetapi mereka amat cermat dalam mengurus kewangan mereka.

16. Saya yakin jika kita Bumiputera menjadikan mereka yang berjaya ini sebagai contoh dan kita amalkan apa yang mereka amal kita tetap berjaya, jika tidak

setinggi mereka, sekurang-kurangnya kita tidak terjebak dengan masalah hutang yang tidak dapat dibayar, menjadi muflis dan sebagainya.

17. Kita harus ingat jika kekayaan datang dengan terlalu mudah, ia juga akan pergi dengan mudah. Mengatasi pelbagai rintangan dan cabaran dalam mengejar sesuatu mencanai ketajaman kecekapan kita. Apabila projek dan hutang didapati dengan mudah mereka tidak akan ada apa-apa pengajaran yang diperolehi. Juga penghargaan terhadap apa yang diperolehi berkurangan. Dengan itu tidak ada kecekapan dan tidak terbentuk sikap yang boleh menolong menjayakan usaha kita merentasi cabaran-cabaran yang akan datang. Sebaliknya orang yang tidak bermasalah, apabila berniaga dibebankan dengan hutang yang tidak dapat dibayar dan kemungkinan menjadi muflis. Yang dikejar tidak didapati, yang dikendong berciciran.

18. Cita-cita kita untuk menjadi peniaga atau kontraktor yang besar dan kaya tidak boleh dibenar terlalu mempengaruhi kita sehingga kita tidak sabar dan kita buat apa sahaja untuk mencapai cita-cita ini. Kita boleh ada cita-cita besar apabila sudah layak tetapi kita perlu bersabar dan sanggup mengambil masa. Kata orang tua-tua "biar lambat asal selamat". Tidak ada nasihat yang lebih baik daripada ini. Kita lihat orang politik pun akan jatuh tersungkur jika terlalu gopoh. Ahli perniagaan juga akan mengalami nasib yang sama jika tidak sabar untuk menjadi kaya. Ingin menjadi kaya cepatlah yang menyebabkan kita tertipu dan melabur dalam 'pyramid scheme' yang tidak mempunyai asas perniagaan tetapi bergantung kepada penipuan. Sebenarnya tidak ada jalan yang mudah untuk menjadi kaya melalui perniagaan. Menjual lesen atau kawasan balak yang diperolehi bukan perniagaan. Perniagaan bermakna menambah nilai kepada apa yang ada kepada kita supaya perniagaan boleh diteruskan sebagai satu kerjaya seumur hidup.

19. Saya sedar ramai yang akan berkata tidak perlu saya ulangi perkara-perkara yang sudah pun kita ketahui. Sebaliknya Kerajaan hendaklah menubuh dana baru dan memberi kontrak dan menyekat pihak lain yang bersaing dengan kita, Bumiputera. Kerajaan boleh buat semua ini dan Kerajaan telah pun membuat apa sahaja yang disyor atau didesak oleh Bumiputera. Sebenarnya jika Kerajaan memberi layanan kepada bukan Bumiputera seperti yang diberi kepada Bumiputera, mereka akan menguasai seluruh ekonomi negara dan kaum Bumiputera akan menjadi pengemis. Hanya dengan tidak memberi layanan istimewa kepada Bumiputera sahaja pun akan menyebabkan bukan Bumiputera menguasai sepenuhnya ekonomi negara. Tetapi yang jelas ialah setelah mengadakan bermacam-macam dasar, usaha, keutamaan kepada Bumiputera selama lebih dari 30 tahun, iaitu sejak 1970, pencapaian Bumiputera amatlah rendah dan

mengecewakan - hanya 19 peratus. Kerajaan sanggup dikecam, dituduh mengamalkan kronisma, dituduh tidak adil dan bermacam fitnah dan tohmahan kerana ingin menolong Bumiputera memperolehi bahagian mereka dalam ekonomi negara. Tetapi apa gunanya menerima kecaman jika matlamat mengimbangkan kedudukan ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera tidak tercapai. Dan dianya tidak tercapai dan tidak akan tercapai kerana kita tidak ubati penyakit yang sebenar iaitu kelemahan yang ada pada Bumiputera sendiri. Selagi kelemahan ini ada segala ubat yang hanya mencerminkan keistimewaan Bumiputera tidak akan membawa hasil yang disasarkan.

20. Namun Kerajaan tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya terhadap Bumiputera, khusus kepada Bumiputera di Sabah:-

i) Keutamaan akan terus diberi kepada usahawan-usahawan Bumiputera Sabah daripada segi pemberian kontrak-kontrak Kerajaan, dengan syarat ia tidak dialih-babakan;

ii) Kerajaan akan membantu membangun dan mempertingkatkan lagi program MPPB di Sabah, termasuk program keusahawanan khusus untuk kaum Wanita;

iii) Kementerian Pendidikan akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menambah bilangan institusi melatih usahawan muda di Sabah;

iv) Institusi pengajian tinggi di Sabah, seperti UMS dan UiTM, akan mengadakan program latihan jangka pendek dan jangka panjang keusahawanan, khusus untuk para pegawai kerajaan dan swasta yang akan bersara, bagi melatih dan membimbing mereka ke arah menjadi usahawan IKS;

v) Kementerian Pembangunan Usahawan akan membuat "feasibility study" di bandar-bandar utama di Sabah, bagi menjayakan projek "Prosper" iaitu menambah Bumiputera dalam bidang runcit;

vi) Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah, akan memainkan peranan mereka secara agresif bagi mempercepatkan pembangunan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur, BIMP-EAGA untuk membuka pasaran baru untuk usahawan Bumiputera tempatan;

vii) Kerajaan akan memperluaskan konsep mentor/mentee, vendor/vendee, franchisor/franchisee di Sabah bagi membantu memperkembangkan lagi perniagaan Bumiputera dalam sektor-sektor pembuatan, pengeluaran peralatan elektrik dan elektronik, plastik, perabot, petroleum, tenaga dan telekomunikasi;

21. Dengan ini, adalah diharapkan agar program

pembangunan MPPB di Sabah dapat dipertingkatkan, sekaligus dapat melahirkan golongan usahawan Bumiputera kelas menengah, sesuai dengan matlamat kerajaan mengimbangkan ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

22. Usahawan Bumiputera Sabah perlu mengorak langkah dengan pantas bagi mengejar tempoh waktu yang masih tertinggal; bangkit dan mempersiapkan diri untuk berhadapan dengan segala cabaran dan saingan sengit yang muncul bersama era globalisasi di alaf baru ini. Di pihak Kerajaan, sama ada negeri mahu pun pusat, kita akan terus berusaha membantu bagi memastikan pembangunan MPPB terlaksana dengan jayanya.

23. Semoga Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001 ini akan membuka ruang dan peluang yang baru untuk kita sama-sama menjayakan matlamat membangun dan memajukan masyarakat usahawan Bumiputera di Sabah selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk golongan usahawan Bumiputera kelas menengah yang berwibawa, dinamik dan berpotensi tinggi.

24. Dengan lafaz `Bismillahir rahmanir rahim' saya dengan ini merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Sabah 2001.